



**ULANGTAHUN ke-10**  
*Universiti Berinsanif*  
1994 - 2004

**Siri Penerbitan Penyelidikan Sains Sosial No.3**

# **GEREJA DAN KEJATUHAN MARCOS**

**Maureen De Silva**



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Siri Penerbitan Penyelidikan Sains Sosial No.3

## GEREJA DAN KEJATUHAN MARCOS

UJANGTAHUN Kc-10  
Universiti Kebangsaan  
1994 - 2004



UNIVERSITI MALAYA SARAWAK



**ULANGTAHUN ke-10**  
*Universiti Berinovatif*  
1994 - 2004

**Siri Penerbitan Penyelidikan Sains Sosial No.3**

**GEREJA DAN KEJATUHAN MARCOS**

**Maureen De Silva**



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

© Universiti Malaysia Sabah 2004

Semua hak terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh disimpan atau diterbitkan semula dalam sebarang bentuk yang boleh dikeluarkan-ulang, atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman digital, atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Keizinan mendapat hak terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah  
Beg Berkunci 2073,  
88999 Kota Kinabalu, Sabah  
URL: <http://www.ums.edu.my>

Pereka Letak Halaman: Ermalisa Abdullah

Muka taip Teks: Times New Roman  
Saiz Taip Teks dan *Leading*: 11/ 13.3point

Pencetak:

**PERCETAKAN CCS SDN. BHD.** (225662-A)  
No. 11, Block G, Sri Kemajuan Industrial Estate, Mile 6,  
Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.  
P. O. Box 21760, 88775 Luyang, Sabah.  
Tel : 088-437120, 088-426120 Fax : 088-430120

ISSN 1823-1055

## KANDUNGAN

### Mukasurat

Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	vi
Singkatan Nama	vi
Penghargaan	vii
Sinopsis	viii
Pendahuluan	ix-xii
Gereja dan Kejatuhan Marcos	1-36
Nota	37-43
Rujukan	45-48

## SENARAI JADUAL

### Mukasurat

Jadual 1	Serbuan ke atas Institusi Gereja Selepas 1972	8
----------	--	---

## SINGKATAN NAMA

<i>AFP</i>	<i>Armed Forces of the Philippines</i>
<i>CBCP</i>	<i>Catholic Bishops Conference of the Philippines</i>
<i>CIA</i>	<i>Central Intelligence Agency</i>
<i>CMLC</i>	<i>Church Military Liaison Committee</i>
<i>CNL</i>	<i>Church for National Liberation</i>
<i>COMELEC</i>	<i>Commission of Election</i>
<i>CPP</i>	<i>Communist Party of the Philippines</i>
<i>EDSA</i>	<i>Epifanio Delos Santos Avenue</i>
<i>NAMFREL</i>	<i>National Citizen's Movement for Free Elections</i>
<i>NCCP</i>	<i>National Council of Churches in the Philippines</i>
<i>NDF</i>	<i>National Democratic Front</i>
<i>NPA</i>	<i>New People's Army</i>
<i>PMA</i>	<i>Philippine Military Academy</i>
<i>RAM</i>	<i>Reform the Armed Forces Movement</i>
<i>UNIDO</i>	<i>United National Democratic Organisation</i>

## PENGHARGAAN

Kertas kadangkala ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sokongan dan bantuan daripada UMS. Sehubungan itu, ucapan terima kasih kepada UMS kerana telah meluluskan projek Skim Penyelidikan Muda (SPM) kepada pensyarah-pensyarah baru.

Penghargaan juga disampaikan kepada Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof. Madya Hasan Mat Nor, Prof. Dr. Sabihah Osman dan rakan-rakan kerana sokongan yang telah diberikan. Setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Dato Dr. Qasim Ahmad kerana memberi teguran dan idea-idea yang membina untuk memantapkan lagi penulisan ini.

Tidak dilupai juga kepada En. Abdul Manaf, Pn. Marja, Pn. Sarlona, Pn. Salmiah dan Pn. Ermalisa kerana telah membantu dalam proses penerbitan kertas kadangkala ini. Kepada ibu bapa dan keluarga, terima kasih atas sokongan kalian, dan khas buat suamiku, Yew Meng, terima kasih atas dorongan, tunjuk ajar, nasihat dan kesabaran anda.



## SINOPSIS

Kejatuhan Presiden Ferdinand Marcos pada bulan Februari 1986 telah membawa perubahan kepada senario politik Filipina. Pemerintahan Marcos selama lebih 20 tahun telah tamat dan Filipina selepas itu telah menuju ke arah pemerintahan demokrasi sepenuhnya dengan kejayaan "*People Power*", diketuai oleh Corazon Aquino dan disokong oleh majoriti rakyat Filipina secara amnya. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji penglibatan gereja dalam menjatuhkan regim Marcos. Satu penelitian ke atas hubungan gereja dengan pentadbiran Marcos semasa perundangan tentera akan dilakukan dan disusuli dengan penglibatan gereja dalam politik Filipina selepas peristiwa pembunuhan Benigno Aquino, dan semasa revolusi EDSA, yang seterusnya menamatkan pemerintahan Marcos. Pengkajian ini cuba melihat perubahan sikap gereja terhadap kerajaan Marcos, dan seterusnya meneliti dasar yang telah diambil oleh pihak gereja dalam memastikan rakyat Filipina terlepas daripada belenggu penindasan ketika Marcos memegang tampuk pemerintahan Filipina. Dapatan utama kajian adalah gereja sememangnya telah memainkan peranan yang amat penting dalam kejatuhan pentadbiran otoritarian Marcos. Perubahan sikap hierarki gereja Roman Katolik daripada yang mengamalkan dasar "*critical collaboration*" kepada penentangan secara terbuka jelas mencerminkan bahawa gereja tidak lagi berdiam diri dalam menghadapi penindasan yang dilakukan oleh pentadbiran Marcos. Bukan itu sahaja, pengaruh militan dalam institusi kegerejaan juga menjadi pendorong kepada hierarki gereja untuk mengambil keputusan menyertai alternatif yang ada yakni Aquino. Gereja secara terbuka telah menentang Marcos sehingga sampai kemuncaknya pada Februari 1986. Gereja telah memobilisasikan rakyat Filipina melalui keimanan Katolik mereka dan ini merupakan senjata gereja yang paling berkesan.

## PENDAHULUAN

Pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos tamat pada Februari 1986 setelah 20 tahun memegang kuasa sebagai pemimpin nombor satu negara. Satu faktor dominan yang turut menyumbang kepada kejatuhan Presiden Marcos adalah peranan yang telah dimainkan oleh gereja terutamanya gereja Roman Katolik diketuai oleh Kardinal Jaime Sin, Archbishop Manila. Peranan yang dimainkan oleh Kardinal Sin dalam memobilisasikan rakyat melalui keimanan mereka merupakan satu strategi penting dalam menjatuhkan Marcos. Harus diperjelaskan bahawa gereja merupakan satu institusi yang amat penting di Filipina kerana ia boleh mempengaruhi daya pemikiran rakyat Filipina yang secara majoritinya memang beragama Kristian Katolik.

Ketika era pentadbiran tentera (1972-1981) dan pasca pentadbiran tentera di Filipina, gereja katolik merupakan institusi bebas bukan kerajaan yang paling kuat di Filipina. Pada awalnya, ia merupakan institusi yang amat konservatif dan mempunyai hubungan yang akrab dengan golongan elit. Paderi-paderi dan rahib-rahib, walau bagaimanapun, telah menyaksikan kesengsaraan yang dialami oleh rakyat umum dan seringkali terlibat dalam aktiviti-aktiviti politik dan dipercayai juga kegiatan komunis. Walaupun Pope John Paul II (ketua agama Katolik sedunia) telah memperingatkan golongan gereja di seluruh dunia agar tidak terlibat dalam perjuangan politik yang aktif, komitmen Pope terhadap hak-hak asasi dan keadilan sosial telah mendorong hierarki Filipina untuk mengkritik penindasan regim Marcos pada akhir 1970an dan awal 1980an.

Tragedi 21 Ogos 1983 telah mengubah dasar gereja terhadap Presiden Marcos. Pembunuhan musuh politik Marcos yang utama, Benigno Aquino telah menjadi titik tolak kepada kejatuhan Marcos. Berikutan dengan Pembunuhan Aquino, Kardinal Sin dan pemimpin-pemimpin kepada *Catholic Bishop Conference of the Philippines* (CBCP) secara beransur-ansur telah mengubah pegangan hierarki gereja daripada suatu yang bersifat "kerjasama kritikal" (*critical collaboration*) kepada satu yang menentang secara terbuka. Gereja telah menyokong kempen pilihanraya Corazon Aquino menentang Marcos dalam pilihanraya presiden Februari 1986 dan ini telah mempengaruhi hati rakyat jelata untuk menyokong barisan Corazon semasa revolusi "*People Power*" yang membawa kepada kejatuhan regim Marcos.

Kajian ini sebenarnya bertujuan untuk meninjau penglibatan gereja dalam menjatuhkan regim Marcos. Bagi mencapai objektif ini, beberapa objektif khusus telah dibentuk untuk mengenalpasti dasar-dasar yang telah digunakan oleh pihak gereja dalam menangani isu-isu politik, ekonomi dan sosial di Filipina; meninjau sebab-sebab berlakunya perubahan dasar pihak gereja dalam konteks hubungannya dengan kerajaan Marcos; mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejatuhan Marcos di Filipina; dan menilai impak kejatuhan Marcos dalam hubungan gereja-kerajaan di Filipina.

Persoalan pokok yang cuba dijawab di sini adalah sejauh mana pihak gereja Roman Katolik telah memainkan peranan dalam menjatuhkan kerajaan Marcos dan mengapa berlakunya perubahan dalam sikap gereja terhadap kerajaan Marcos, yakni dari "kerjasama kritikal" kepada penentangan secara terbuka. Untuk menjawab persoalan ini, beberapa aspek akan ditekankan iaitu hubungan gereja dengan pentadbiran Marcos semasa perundangan tentera, pengkajian ke atas penglibatan gereja dalam politik Filipina selepas peristiwa pembunuhan Benigno Aquino, dan akhir sekali semasa revolusi EDSA yang seterusnya menamatkan pentadbiran Marcos di Filipina.

Sehingga kini, penulisan tentang peranan gereja dalam kejatuhan Marcos memang tidak banyak. Penulisan yang ada lebih menekankan "*People Power*" yang membawa kepada kejatuhan Marcos pada 1986, namun penulisan tersebut lebih menjurus kepada insiden *People Power* itu sendiri, peristiwa yang berlaku serta elemen-elemen yang terlibat dalam menjayakan operasi *People Power* ini. Peranan yang dimainkan oleh gereja hanya dimuatkan sebagai salah satu faktor ataupun mekanisme yang memainkan peranan penting dalam membawa kepada kejatuhan regim Marcos. Oleh yang demikian, amat ketara sekali bahawa pengkhususan tentang peranan gereja itu sendiri sebagai satu topik atau tajuk penyelidikan belum lagi diperincikan oleh para sarjana.

Sebenarnya, memang terdapat penulisan yang dilakukan oleh para sarjana bersabit hubungan antara Marcos dengan gereja katolik di Filipina. Penulisan *Marcos Against the Church* oleh Robert Youngblood (1990) misalnya, telah memfokuskan kajiannya terhadap dasar-dasar politik dan ekonomi Presiden Marcos terhadap gereja mahupun terhadap golongan massa. Pengkajian Youngblood ini lebih banyak menumpukan kepada dasar-dasar yang dijalankan oleh Marcos, hubungan Marcos dengan gereja semasa

perundangan militari dilaksanakan pada 1972 serta revolusi yang berlaku di dalam gereja katolik sendiri.

Dua orang sarjana lain yakni Cirilo A. Rigos (1975) dalam artikelnya, “*The Posture of the Church in the Philippines under Martial Law*”, dan Dennis Shoemith (1979) dalam “*Church and Martial Law in the Philippines: The Continuing Debate*” yang diterbitkan dalam *Southeast Asian Affairs* lebih menekankan kepada perdebatan yang berlaku di dalam gereja Roman Katolik itu sendiri bersabit kedudukan mereka dalam menghadapi perundangan militari yang dilaksanakan oleh Marcos. Penulisan Shoemith yang membincangkan pertelingkahan antara golongan konservatif, pertengahan dan radikal sebenarnya banyak membantu penyelidikan ini dalam mana ia telah memberikan gambaran latar belakang pegangan pihak gereja terhadap Marcos. Tambahan itu juga, ia telah menyediakan satu landasan kepada pengkaji dalam memahami dengan lebih lanjut lagi perkiraan dan pertimbangan yang telah diambil oleh golongan gereja dalam usahanya menjatuhkan Marcos.

Kajian ini melibatkan beberapa peringkat. Peringkat pertama adalah peringkat pengumpulan data primer dan sekunder. Data primer yang diperolehi adalah berupa dokumen-dokumen, surat-surat dan ucapan-ucapan yang diterbitkan oleh organisasi bersabit dan dimasukkan dalam laman siber atau internet, mahupun akhbar-akhbar. Sumber sekunder pula diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah dan Perpustakaan Tun Fuad Stephen di negeri Sabah. Proses pengumpulan sumber juga dilakukan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan Negara. Sumber kedua ini diperolehi daripada buku, jurnal, kertas kadangkala dan tidak ketinggalan, daripada internet.

Peringkat kedua merupakan peringkat mengkritik sumber yang diperolehi dengan menggunakan kritikan luaran dan kritikan dalaman. Peringkat ini adalah penting untuk menentukan jenis-jenis sumber yang patut digunakan oleh penyelidik.

Peringkat ketiga adalah peringkat pentafsiran atau interpretasi ke atas sumber yang telah dikritik bersabit dengan peranan gereja dalam kejatuhan Marcos. Dalam peringkat ini sememangnya suatu penulisan yang objektif harus menjadi pegangan pengkaji dalam proses penulisan.

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif secara meluas sekali. Metodologi yang digunakan adalah meliputi pengumpulan sumber-sumber dan data dari perpustakaan mahupun dari internet. Selain daripada UMS, Perpustakaan Negeri Sabah dan Perpustakaan Tun Fuad Stephen di negeri Sabah, proses pengumpulan sumber juga dilakukan di perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Negara. Penggunaan sumber bahan yang diperolehi daripada internet adalah agak meluas.

Sumber-sumber bahan yang diperolehi merupakan sumber primer (utama) dan sumber sekunder (kedua). Data yang diperolehi kebanyakannya adalah sumber primer daripada akhbar, dokumen-dokumen penting yang diperolehi dari internet dan majalah. Sumber kedua pula diperolehi daripada buku, jurnal, kertas kadangkala dan tidak ketinggalan daripada internet.